

27/01/1999

Menteri jangka Ekspo Multimedia Sedunia dapat sambutan

MALAYSIA dijangka menjadi tumpuan masyarakat antarabangsa apabila Majlis Promosi Pendidikan Malaysia (MEPC) menganjurkan Ekspo Multimedia Sedunia yang akan diadakan pada suku pertama tahun depan.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak menjangkakan ekspo itu menerima sambutan yang menggalakkan dan sekali gus menjadikannya yang terbesar dalam bidang teknologi maklumat (IT) dan multimedia di rantau ini.

Menurutnya, ekspo berasaskan pendidikan yang julung-julung kali diadakan itu dijangka disertai oleh syarikat global dalam bidang IT dari negara di seluruh dunia seperti Amerika Syarikat, Eropah, Jepun, Taiwan, India, Korea, Australia dan Kanada.

Beliau yang juga Penasihat ekspo itu berkata, penganjuran ekspo berkenaan adalah antara usaha dan persediaan Malaysia menyambut ketibaan alaf baru berteraskan IT serta multimedia.

Justeru, katanya, pihak penganjur akan berusaha keras untuk memastikan hasrat menjadikannya ekspo terbesar dalam bidang IT di rantau ini, menjadi kenyataan.

Jawatankuasa penganjur ekspo itu dipengerusikan oleh Pengerusi MEPC, Tan Sri Razali Ismail manakala Naib Pengerusinya, Tan Sri Lim Kok Wing sebagai Pengerusi jawatankuasa pelaksana manakala Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pula sebagai penaung.

Selain itu, beberapa organisasi lain seperti Majlis IT Kebangsaan, Mimos, Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, dan Kumpulan Industri-Kerajaan Mengenai Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT), akan dijemput menyertai jawatankuasa ekspo berkenaan.

Penganjuran Ekspo Multimedia Sedunia bertujuan menyediakan suatu tapak yang baik untuk pihak antarabangsa dan tempatan memperkenalkan produk mereka kepada Malaysia dan rantau ini.

(END)